



## **PANDUAN MENGISI PERMOHONAN PINDAH MILIK TANAH, BAHAGIAN ATAU PAJAKAN (BORANG 14A)**

1. Pemohon hendaklah mengisi Borang 14A menggunakan **PEN DAKWAT BASAH WARNA HITAM DENGAN TULISAN HURUF BESAR (JELAS) ATAU BERTAIP (HURUF BESAR)**.
2. Pemilik/Pemberi Tanah & Penerima Tanah hendaklah menjalankan penyaksian dan menurunkan tandatangan dihadapan Pentadbir Tanah bagi tanah yang berstatus Rezab Melayu (kecuali pemilik asal tanah adalah bukan Melayu) atau di hadapan mana-mana peguam atau notari awam (Jadual Kelima KTN) bagi tanah bukan Rezab Melayu.
3. Dokumen yang perlu dibawa bersama semasa proses penyaksian adalah seperti berikut:
  - I. **KAD PENGENALAN ASAL TUAN TANAH & PENERIMA TANAH;**
  - II. **SURAT BERANAK ASAL PENERIMA TANAH;**
  - III. **GERAN TANAH ASAL;**
  - IV. **BORANG 14A;**
  - V. **SURAT KEBENARAN PINDAH MILIK TANAH/LONGGAR SEKATAN (ECONSENT) - JIKA PERLU; DAN**
  - VI. **PENGESAHAN MAKLUMAT PEMILIK DI SISTEM E-SELAMAT.**
4. Syer / Bahagian tanah hendaklah jelas diisi dalam bentuk bernombor pecahan. "Kesemua" "sebahagian" "Setengah" adalah tidak digalakkan dinyatakan di dalam Jadual Tanah Borang 14A dan boleh menyebabkan perserahan tersebut ditolak untuk didaftarkan Jabatan ini.
5. Borang 14A yang telah lengkap ditandatangan bersama dokumen di perkara tiga (3) di atas hendaklah dibuat salinan dan dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) secara atas talian menerusi ejen berdaftar bagi pembayaran dan pengeluaran Duti Setem/Taksiran.
6. Setelah lengkap, pemohon boleh mengemukakan ke Kaunter Pendaftaran Jabatan ini untuk mendaftarkan BORANG 14A tersebut seperti berikut:
  - I. **BORANG 14A ASAL;**
  - II. **GERAN TANAH ASAL;**
  - III. **SIJIL SETEM ASAL DAN NOTIS TAKSIRAN LHDN ASAL;**
  - IV. **RESIT CUKAI TANAH SEMASA YANG TELAH DIBAYAR;**
  - V. **BAYARAN PENDAFTARAN;**
  - VI. **DOKUMEN PENGESAHAN PEMILIK (E-SELAMAT)/PERJANJIAN JUAL-BELI/ RESOLUSI SYARIKAT; DAN**
  - VII. **LAIN-LAIN DOKUMEN YANG PERLU SEPERTI SURAT KEBENARAN PINDAHMILIK TANAH (ECONSENT)/ KEBENARAN PENGKAVEAT JIKA PERLU.**
7. Ingin dimaklumkan juga bahawa bayaran denda lewat akan dikenakan kepada pemohon di atas kelewatan penyerahan borang 14A selepas tiga (3) bulan dari tarikh tandatangan penyaksian Borang 14A lengkap.

8. Kutipan hakmilik terkini boleh dibuat sepuluh (10) hari bekerja daripada tarikh Borang 14A lengkap dan diserahkan untuk didaftarkan. Hanya pembawa resit asal layak untuk mendapatkan bagi kutipan hakmilik terkini tersebut. Bayaran denda lewat kutip akan dikenakan kepada pemilik yang tidak mengutip hakmilik selepas tiga (3) bulan daripada tempoh notis disampaikan/didaftarkan.
9. Sebarang kemasukan atau pertanyaan, sila hubungi Unit Pendaftaran, Jabatan Tanah dan Galian Perlis di talian 04-9785501.

**UNIT PENDAFTARAN**

*dikemaskini pada 21hb Disember 2023*